

# Tasik Ghazali

## Dirujuk oleh

- Hutan Simpan Bangi (1906-kini)
- Alur Ilmu

## Perihal



Tasik Ghazali adalah tasik semulajadi yang dijadikan sistem penakungan air, sebagai sumber perairan kerja-kerja landskap di UKM: *“Retention pond in UKM and its capacity ... As for the retention pond, Ghazali Lake is among the water conservation system that is used as a water source for landscaping works.”*



Tasik Ghazali pada tahun 2023.



*“Koordinat bagi lokasi kajian ini adalah 2.922107, 101.781739 dan terletak berdekatan dengan Bangunan Sains Nuklear (Rajah 1). Tasik Ghazali adalah salah satu tasik semulajadi yang wujud sejak penubuhan UKM pada tahun 1970-an dan pada asalnya merupakan sebuah tasik yang besar serta*

dikelilingi hutan tropika tetapi kini menjadi semakin kecil dan cetek dan mempunyai anggaran keluasan kurang dari 0.5 km<sup>2</sup> (Borhanudin, 2018). Saluran airnya bersambung dengan Alur Ilmu UKM sebelum mengalir ke Sungai Langat, Selangor (Borhanudin, 2018). Tasik ini telah dipilih sebagai lokasi kajian ekoran perubahan yang pesat dari segi pembangunan infrastruktur sejak tahun 1970 hingga sekarang (Kamarudin, 1981; Borhanudin, 2018).” (Ee Leng Ng, Norfarhan Mohd Assaad, Herryawan Ryadi Eziwar Dyari, Mohd Shazrul Fazry Sa'ariwijaya dan Nur Hidayah Jamar @ Malaysian Applied Biology (2022) 51(5): 179-185:

"Mengenalpasti Kepelbagaian Spesies Hidupan Akuatik Menggunakan Analisis Taksonomi di Tasik Ghazali, UKM", hlm. 180).

## Kronologi Peristiwa

### 2014-2018: Faktor Pencemaran Alur Ilmu

Mulai sekitar tahun 2014, pencemaran terhadap Tasik Ghazali telah dikenalpasti sebagai salah satu punca pencemaran Alur Ilmu yang mengalir ke Sungai Langat.

#### PUNCA 1. SISA RUNTUHAN DI FST



"Sisa runtuhan daripada Fakulti Sains Teknologi (FST) memasuki Tasik Ghazali dan menyebabkan kelodak/lumpur."

(Sumber: Sungai Alur Ilmu UKM @ Facebook, 15 Ogos 2014: "PUNCA 1. SISA RUNTUHAN DI FST").

#### PUNCA 2. PENCEMARAN TASIK GHAZALI



*"Berpunca dari Sungai Anak Bangi ~ Dikhuatiri terdapat kawasan pelupusan tanah tetapi tidak boleh di akses disebabkan kawasan berlumpur."*

(Sumber: Sungai Alur Ilmu UKM @ Facebook, 15 Ogos 2014: "[PUNCA 2. PENCEMARAN TASIK GHAZALI](#)").

## 2018: Lawatan Tapak



Lawatan Tapak ke Tasik Ghazali Alur Ilmu UKM (20 Julai 2018) (UKM Tube - Universiti Kebangsaan Malaysia, 20 Julai 2018: "[Tasik Ghazali, UKM](#)").

*"Pengenalan projek penyegaran semula Tasik Ghazali dan Alur Ilmu UKM oleh PROF. MADYA IR. DR.(Ph.D) OTHMAN BIN JAAFAR, Pengarah Prasarana UKM. Rakaman & Suntingan: Hazrul Abdul Halim - Fujifilm X-H1"*

*"Di bawah TEKAD 17 ada 4 usaha atau 4 inisiatif. Penyegaran semula Alur Ilmu adalah salah satu daripadanya. Terdapat dua punca utama yang menyebabkan pencemaran kepada Alur Ilmu. Yang*

pertama adalah daripada kemasukan sedimen-sedimen. Yang kedua adalah berpunca daripada bahan-bahan organik. Kemasukan sedimen berpunca daripada tapak pembuangan tanah di jalan menuju ke Kolej Pendeta Za'ba. Apabila musim hujan tanah tersebut dihakis dan ditolak masuk ke dalam Tasik Ghazali, dan seterusnya masuk ke dalam Alur Ilmu. Lawatan ini adalah untuk membaik pulih semula Tasik Ghazali."


## 2021: Keadaan Semasa



Tasik Ghazali, UKM (UKM Tube - Universiti Kebangsaan Malaysia, 19 Disember 2021: "[Tasik Ghazali, UKM](#)").

## 2022: Tinjauan Spesis

"Kajian ini dilakukan di salah sebuah tasik yang terdapat di kampus UKM Bangi iaitu Tasik Ghazali. Kawasan di persekitaran Tasik Ghazali diketahui terjejas ekoran daripada pembangunan pelbagai infrastruktur di sekitar kawasan UKM terutamanya dari pembangunan Fakulti Sains dan Teknologi yang menyebabkan sistem pengurusan air di Tasik Ghazali terjejas dan menjadi semakin kecil, cetek dan berlumpur (Borhanudin, 2018). Tambahan pula, proses hakisan dari kawasan hulu telah menjajaskan perangkap sedimen yang sedia ada juga adalah di antara faktor-faktor yang boleh mengancam ekosistem air tawar di Tasik Ghazali ini. Namun begitu, tiada penyelidikan yang pernah dilakukan bagi mengenalpasti dan menilai kepelbagaian spesies-spesies yang ada di kawasan tersebut. Oleh itu, tujuan kajian ini dilakukan untuk mendalami kepelbagaian spesies hidupan akuatik yang terdapat di Tasik Ghazali, UKM Bangi. Rekod ini adalah penting untuk menyediakan maklumat mengenai hidupan akuatik air tawar dan seterusnya membantu para penyelidik mengenalpasti spesies yang ada secara lebih komprehensif dan boleh digunakan untuk tujuan memelihara dan memulihara ekosistem Tasik Ghazali pada masa akan datang."



**“Rajah 2.** Spesies hidupan akuatik yang dicerap di kawasan Tasik Ghazali, UKM Kampus Bangi yang terbahagi kepada lapan spesies. Lima daripadanya terdiri daripada spesies ikan manakala dua adalah spesies udang dan satu dari spesies siput.”

“Kajian ini memberikan informasi pertama mengenai taburan dan kepelbagaian spesies hidupan akuatik air tawar di Tasik Ghazali, UKM. Sebanyak lapan spesies telah ditemui hasil dari lima tangkapan yang terdiri daripada spesies ikan, udang, dan siput.”

(Ee Leng Ng, Norfarhan Mohd Assaad, Herryawan Ryadi Eziwar Dyari, Mohd Shazrul Fazry Sa’ariwijaya dan Nur Hidayah Jamar @ Malaysian Applied Biology (2022) 51(5): 179-185:

“Mengenalpasti Kepelbagaian Spesies Hidupan Akuatik Menggunakan Analisis Taksonomi di Tasik Ghazali, UKM”, hlm. 179-182).

From: <https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link: [https://bangi.pulasan.my/tasik\\_ghazali?rev=1754538884](https://bangi.pulasan.my/tasik_ghazali?rev=1754538884)

Last update: **2025/08/07 11:54**

